

Kebakaran hutan sebabkan 8 kenderaan depan bengkel hangus

Sungai Buloh: Kebakaran kawasan hutan berhampiran Jalan Nova U5/94A, Laman Permai di sini, menyebabkan lapan kenderaan yang diletakkan di hadapan sebuah bengkel musnah akibat terbakar, kelmarin.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Norazam Khamis berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu jam 8.29 malam.

“Seramai 15 anggota bersama dua jentera dari Balai


Bomba dan Penyelamat (BBP) Sungai Buloh dan BBP Shah Alam dikejarkan ke lokasi.

“Sebaik tiba, kami dimaklumkan terdapat kebakaran membabitkan hutan dan lapan kenderaan diletakkan di hadapan sebuah bengkel di lokasi terbabit,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, anggota bertugas melakukan pemadaman menggunakan hos sebelum api dikawal sepenuhnya dan tiada mangsa dilaporkan cedera dalam kejadian itu.



ANGGOTA bomba memadamkan kebakaran lapan kenderaan diletakkan di hadapan sebuah bengkel di Jalan Nova U5/94A, Laman Permai, Sungai Buloh.



ANTARA kenderaan yang musnah dijilat api.